

## **ELEMEN KECERDASAN SPIRITUAL MENURUT HADIS DALAM KEPIMPINAN BELIA**

Suriani Sudi

[suriani@kuis.edu.my](mailto:suriani@kuis.edu.my)

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

Fariza Md Sham

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Phayilah Yama @ Fadilah Zakaria

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

Belia merupakan aset terpenting negara yang akan mewarisi pucuk kepimpinan negara pada masa hadapan. Kejayaan untuk membangunkan sebuah negara yang maju di masa hadapan banyak bergantung pada generasi muda sekarang. Untuk itu, nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam diri setiap belia sebagai persediaan untuk menjadi pemimpin hebat dan holistik yang mempunyai kekuatan daya intelek, sempurna fizikal dan ketinggian spiritual. Justeru, satu pengkajian yang menentukan elemen kecerdasan spiritual berdasarkan kepada hadis perlu diterokai. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menggali aspek kecerdasan spiritual sebagai satu mekanisme pembentukan nilai-nilai kepimpinan dalam diri belia. Kertas kerja ini mengupas elemen kecerdasan spiritual yang dipaparkan dalam hadis dengan menggunakan kaedah analisis secara tematik. Langkah pertama dengan mengenal pasti hadis yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual. Seterusnya, menentukan tema-tema kecerdasan spiritual. Kajian mendapati antara elemen kecerdasan spiritual yang dipetik dari hadis-hadis, yang perlu ditanam pada kepimpinan adalah elemen matlamat yang jelas, matlamat pekerjaan yang ikhlas kerana Allah, niat dan keinginan yang baik, mempunyai cita-cita tinggi dan berjiwa besar. Tema-tema kecerdasan spiritual yang disebut dalam hadis boleh dijadikan indikator untuk menentukan tahap kepimpinan belia dalam konteks hari ini.

*Kata Kunci: Kecerdasan Spiritual, Hadis, Kepimpinan, Belia.*

### **Pengenalan**

Dasar Belia Malaysia jelas menyatakan hasratnya dalam Dasar Belia Malaysia bahawa elemen Kepimpinan dan Kenegaraan telah menjadi salah satu elemen yang diketengahkan menerusi Bidang Keutamaan Belia. Penekanan terhadap elemen kepimpinan dan kenegaraan yang diketengahkan dalam Dasar Belia Malaysia ini bertujuan untuk menyerlahkan potensi kepimpinan belia yang unggul dan bersifat matang. Bersesuaian dengan peranan utama yang dimainkan oleh belia sebagai agen untuk perubahan, penerima inovasi teknologi dan penggerak yang memacu

pembangunan negara (Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia edisi 4/2014). Namun, kajian mendapati skor indikator kepimpinan dalam bacaan Indeks Belia Malaysia (IBM) telah menurun dari 65.3 pada tahun 2008 kepada 56.6 pada tahun 2011. Indeks Belia Malaysia (IBM) adalah instrumen yang dibentuk bertujuan memantau perkembangan kualiti hidup dan kesejahteraan generasi belia di Malaysia. Indeks domain Potensi Diri Belia dipantau dalam tiga bidang, iaitu Kepimpinan, Keusahawanan dan Kemahiran pada tahun 2006 dan 2008. Secara umum, skor domain ini telah meningkat pada tahun 2011 (66.7) berbanding pada tahun 2008 (63.9) dan tahun 2006 (59.2). Dengan skor 66.7 menunjukkan keupayaan belia mencungkil potensi diri mereka berada di tahap yang baik dan masih banyak ruang untuk potensi belia ini diperkembangkan. Jadual indeks domain Potensi Diri Belia ditunjukkan seperti di bawah;

<b>Jadual 6: Domain Potensi Diri</b>			
<b>Indikator</b>	<b>2006</b>	<b>2008</b>	<b>2011</b>
<b>Kepimpinan</b>	<b>67.2</b>	<b>65.3</b>	<b>56.6</b>
<b>Keusahawanan</b>	<b>51.6</b>	<b>63.3</b>	<b>68.6</b>
<b>Skor IBM</b>	<b>59.2</b>	<b>63.9</b>	<b>62.6</b>
<b>Indikator Baru</b>			
<b>Sensitiviti</b>	-	-	<b>69.1</b>
<b>Kesedaran Alam Sekitar</b>	-	-	<b>72.3</b>
<b>Jumlah Skor IBM</b>	<b>59.2</b>	<b>63.9</b>	<b>66.7</b>

Sumber: Laman web Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Dapatan di atas didapati senada dengan artikel yang ditulis oleh Haslinda Abdullah et.al (2012) juga menunjukkan wujudnya masalah dalam kepimpinan. Dalam kertas kerjanya ini, beliau telah mempersoalkan peranan MBM sebagai sebuah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dalam menyelaras semua pertubuhan belia yang bergabung di bawahnya. Beliau mempersoalkan adakah usaha yang dilakukan MBM berhasil dalam mendekati pertubuhan-pertubuhan belia yang lesu? Menurutny lagi, walaupun MBM telah melahirkan banyak pemimpin yang boleh dianggap berjaya di Malaysia, namun ia belum setimpal dengan isu dan kemelut sosial lain yang sedang melanda generasi belia di Malaysia. Kertas kerjanya ini secara tidak langsung menyatakan bahawa dapatan kajian Azimi dan Tumiran (1996) pada tahun 90 an yang mendapati senario kepimpinan pertubuhan belia tidak banyak berubah berbanding yang berlaku dalam tahun-tahun 70-an, masih lagi berterusan hingga ke abad ke 20. Antara kelemahan persatuan yang disebut oleh Azimi dan Tumiran (1996) adalah penyertaan anggota dalam aktiviti pertubuhan masih tidak menyeluruh, pertubuhan belia hanya menjalankan aktiviti secara ad-hoc dan bukan berdasarkan kehendak ahli, tidak meletakkan agenda kemasyarakatan sebagai keutamaan. Kajian ini menyimpulkan bahawa semua ini berpunca dari kelemahan kepimpinan belia itu sendiri. Menurut Azimi(1996) lagi, hanya sebilangan kecil pertubuhan mempunyai program yang khusus untuk membentuk pemimpin pelapis. Menurut Haslinda(2012), berdasarkan senario semasa, kedudukan Malaysia masih jauh dari harapan pembangunan belia positif yang sebenar. Justeru menurutny, isu tentang belia di Malaysia perlu diselidiki dan pembangunannya harus dirancang. Aktiviti pembangunan belia perlu reaktif kepada keperluan belia dan memberi tumpuan kepada penyerlahan potensi. Satu kajian yang benar-benar komprehensif serta

bersifat jangka panjang juga perlu dilakukan bagi mengenal pasti serta merangka pelan strategik untuk membentuk generasi belia yang mapan (Haslinda et.al 2012).

Kelemahan kepimpinan belia kemungkinan ada hubungannya dengan ketidak sempurnaan dari aspek spiritual. Ini kerana permasalahan yang dihadapi kepimpinan dalam persatuan belia seperti komitmen yang berterusan, kemampuan merancang aktiviti yang berkesan dan sesuai serta ketinggian akhlak ahli persatuan atau belia adalah berpunca dari aspek dalaman diri belia itu sendiri. Aspek dalaman itu adalah kecerdasan spiritual. Apabila kecerdasan spiritual tidak sampai tahap yang tinggi, maka akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku belia.

Oleh itu, kajian ini telah menemui satu konsep pembangunan ciri-ciri kepimpinan belia yang lebih holistik dan komprehensif iaitu dengan menerapkan elemen kecerdasan spiritual yang sarat dengan nilai-nilai yang dianjurkan Islam yang boleh dijadikan panduan dalam merangka dan melaksana program-program latihan kepimpinan belia.

Kecerdasan spiritual sebagai elemen penting dalam membentuk kepimpinan belia telah diakui oleh pengkaji lepas. Contohnya, Azimi dan Tumiran (1996) menyatakan bahawa pemimpin belia masih jauh dari ciri belia profesional iaitu bertanggungjawab, bersedia untuk memberi khidmat kepada orang lain lebih daripada kepentingan diri sendiri, bermotivasi tinggi dan mempunyai sifat-sifat kreatif. Semua sifat ini sangat berkait rapat dengan kecerdasan spiritual. Kerana itulah menurutnya, kebanyakan pertubuhan belia mempunyai pemimpin yang berkecimpung dalam pertubuhan belia untuk maksud kepentingan diri, peluang melawat, menghadiri seminar atau peluang mendapat status. Selain itu juga, menurut kajian yang dibuat oleh Mohamad Naquiddin Dahamat Azam et. al (2012) mendapati pembentukan kecerdasan spiritual yang mantap mampu memangkin proses pembentukan cara gaya kepimpinan yang berkesan khususnya kepimpinan transformasi dalam kalangan belia muda di Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan penguasaan yang baik pada setiap dimensi kecerdasan spiritual seperti pemikiran kewujudan yang kritikal, penghasilan maksud peribadi, kesedaran transenden dan perkembangan keadaan sedar, berpotensi menyumbang ke arah pembentukan cara gaya kepimpinan transformasi dalam kalangan responden.

## **Metodologi Kajian**

Pengkaji telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan cara mengenalpasti hadis-hadis yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual dari kitab hadis *al-Sahihayn*. Setelah dikenalpasti, hadis yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual, penentuan mengikut kaedah tematik telah digunakan dalam usaha untuk mengkategorikan hasil kajian ini yang mengikut tema-tema yang telah ditetapkan. Seterusnya meletakkan tema yang bersesuaian untuk hadis-hadis yang ditemui. Daripada tema-tema ini akan dijadikan sebagai item-item untuk membentuk indikator.

## **Konsep Kecerdasan Spiritual Menurut Islam**

Istilah spiritual telah digunakan dalam semua agama bagi menggambarkan kehidupan yang bukan berbentuk material. Spiritual adalah kehidupan dalaman seseorang. Kehidupan dalaman ini penting untuk memenuhi potensi diri manusia kerana manusia

dijadikan dalam dua aspek iaitu material(jasad) dan rohani(spiritual). Untuk memenuhi tuntutan kehidupan dalaman (spiritual) perlu mempraktikkan perkara tertentu. Menurut pengkaji Barat, terdapat pelbagai cara untuk mencapai kehidupan dalam aspek spiritual. Namun, seringkali, apabila membincangkan tentang aspek spiritualiti, tidak terlepas menghubungkannya dengan agama (Sheldrake, P 2012). Dalam perspektif Islam, kehidupan dalaman tertinggi untuk dicapai ialah apabila mencapai jiwa yang tenang( *al-Nafs al-Mutmainnah*). Untuk mencapai tahap ini, seseorang perlu melalui kehidupan yang disaran agama seperti solat, zikir, membaca al-Quran, mengerjakan haji, bersedekah dan sebagainya. Itulah sebabnya kecerdasan spiritual dalam perspektif Islam, dihubungkan dengan komponen jiwa atau *al-nafs* yang dibincang oleh Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihya' Ulum al-Din*. Menurut al-Ghazali, komponen *al-nafs* ada tiga tahap. Tahap yang paling rendah ialah *al-nafs al-ammarah*. *al-Nafs al-ammarah* bermaksud jiwa yang penuh dengan kemarahan, pemberotakan dan kerosakan. Tahap jiwa pertengahan ialah *al-nafs al-lawwamah* iaitu jiwa yang penuh dengan penyesalan. Pada satu ketika mereka beriman dan pada satu saat mereka melanggar perintah Allah, tetapi mereka sedar dan merasa menyesal serta bertaubat kepada Allah swt. Manakala tahap jiwa yang paling tinggi ialah *al-nafs al-mutmainnah*, iaitu jiwa yang tenang (Fariza 2015). Pada tahap ini rasa cintanya kepada Allah mendorongnya sentiasa melakukan kebaikan dan mengajak orang lain ke arah kebaikan. Keinginannya untuk menyelamatkan manusia lain dari dosa dan kemurkaan Allah begitu tinggi sehingga mendorongnya menjadi seorang pendakwah yang sentiasa berjuang untuk menegakkan kalimah Allah. Walaupun al-Ghazali tidak mendefinisikan secara langsung maksud kecerdasan spiritual, namun perkara yang penting untuk dirumuskan di sini adalah tahap tertinggi iaitu *al-nafs al-mutmainnah* inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas.

Al-Quran juga menjelaskan terdapat tingkatan-tingkatan jiwa manusia. *Al-Nafs al-Mutmainnah* adalah jiwa yang dijanjikan padanya syurga. Jiwa-jiwa yang sentiasa hidup dengan iman dan amal soleh. Jiwa yang akan menekuni kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan hasil hubungan yang rapat dengan Allah Taala. Jiwa inilah yang ditakrifkan oleh Najati sebagai jiwa yang cerdas (Najati 1992: 277). Firman Allah;

Maksudnya: (Setelah menerangkan akibat orang-orang yang tidak menghiraukan akhirat, Tuhan menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan disambut dengan kata-kata): "Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu) "Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam syurgaKu! (al-Fajr: 27-30)

Nabi s.a.w juga sangat menitikberatkan aspek spiritual atau ruhani iaitu dengan menyemai iman ke dalam hati mereka. Hati yang dipenuhi dengan iman, akan kuatlah hubungan dengan Tuhannya lantas menghasilkan kekuatan luar biasa yang akan memberi kesan yang sangat besar terhadap dirinya. Maka akan bangkitlah kekuatan dan kecerdasan dan sekaligus menyembuhkannya dari penyakit hati dan kelemahan jasad. Perkara ini jelas dalam hadis baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir di bawah:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ  
كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Fadlu Man Istabra'a Dinihi. No hadis 52).

Menurut al-Nawawi (1989), hati berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang. Ia berperanan dalam usaha menggerak, memberhenti atau memperelokkan perbuatannya. Beliau menjelaskan lagi bahawa hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat akan kebesaran Allah SWT, mematuhi perintahnya, menjauhi larangannya serta perkara syubhat kerana takut terjatuh kepada yang haram. Jelas dari hadis ini bahawa nabi menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya *al-qalb* yang berada di dalam diri manusia. Nabi s.a.w juga menekankan betapa perlunya seseorang itu menjaga serta memelihara hatinya yang merupakan sebahagian dari aspek spiritualnya untuk mendapatkan peribadi yang baik dan cemerlang.

Untuk itu, Mujib & Mudzakir (2002:329-330) mengatakan bahawa kecerdasan spiritual adalah berkaitan kualiti batin seseorang. Kecerdasan ini mengarahkan seseorang untuk membuat lebih maknusiawi sehingga dapat menjangkau nilai-nilai luhur yang mungkin belum tersentuh oleh akal fikiran manusia. Ia adalah mengenai pertumbuhan seorang manusia. Ia berkaitan penetapan hala tuju dalam kehidupan dan menyembuhkan diri kita semua kesakitan yang kita bawa. Ia adalah satu bentuk pemikiran berfikir untuk diri kita sebagai ungkapan realiti yang lebih tinggi. Ia juga mengenai bagaimana kita melihat sumber-sumber yang ada pada kita. Akhirnya, kita akan menemui kebebasan dari rasa hanya sebagai manusia biasa dan mencapai tahap yang lebih tinggi dalam kerohanian apabila kita kembali ke alam asal kita iaitu fitrah.

Hamid Zahran (2005: 9) pula menyatakan bahawa kecerdasan spiritual bermaksud mempunyai jiwa yang seimbang, merasa bahagia dengan dirinya dan orang lain, mampu menguasai kemampuan dan kekuatan dirinya ke tahap yang tertinggi, mampu berhadapan ujian dan cabaran hidup, mempunyai peribadi yang menyeluruh dan seimbang, mempunyai akhlak yang baik dan ia hidup dalam tenang dan selamat. Menurutnya lagi, jiwa yang cerdas adalah jiwa yang sentiasa positif merangkumi akal yang cerdas dan sihat.

Maka kecerdasan spiritual yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kecerdasan yang berkaitan dengan kualiti batin dan elemen-elemen jiwa, hati, ruh, akal, naluri, sifat insan dan pandangan yang digunakan secara maksimum. Antara ciri-cirinya adalah sentiasa positif, cepat mengerti, cepat bertindak dan kreatif. Ia juga merupakan pusat lahirnya gagasan, penemuan, motivasi, dan kreativiti yang paling fantastik. Semua itu adalah lahir dari pengertian iman yang mendalam serta kepercayaan terhadap keesaan Allah.

### **Elemen Kecerdasan Spiritual Dalam Kepimpinan Belia**

Seorang pemimpin yang berada di barisan hadapan memerlukan kualiti yang tinggi bukan sahaja fizikal malah aspek spiritual juga (Razaleigh 2015: 78). Menurut Tobroni (2005:13) kepemimpinan yang punyai kecerdasan spiritual adalah kepemimpinan yang sejati atau kepemimpinan yang sebenarnya. Ia memimpin dengan hati

berdasarkan pada asas dan tuntutan agama. Ia mampu membentuk karakter kepimpinan, integriti yang tinggi dan keteladanan yang luar biasa. Ia bukan semata-mata seorang pemimpin yang mencari pangkat, jabatan, kekuasaan dan kekayaan malah pemimpin yang sangat ikhlas hatinya untuk membawa kejayaan dan membina tamadun untuk umat. Hasil dari analisis kajian terhadap hadis-hadis maka penulis telah menemui beberapa tema yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual. Antara elemen kecerdasan spiritual yang perlu ada pada pemimpin khususnya pemimpin belia adalah seperti berikut;

## 1. Mempunyai misi dan matlamat yang jelas kerana Allah

سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ " : إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ ، وَإِنَّمَا لِأَمْرِي مَا نَوَى ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا ، أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوَّجُهَا ، فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya; Dari Umar, bahwa Rasulullah s.a.w bersabda: "Semua perbuatan tergantung niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang (tergantung) apa yang diniatkan; barangsiapa niat hijrahnya karena Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa niat hijrahnya karena dunia yang ingin digapainya atau karena seorang perempuan yang ingin dinikahnya, maka hijrahnya adalah kepada apa dia diniatkan (Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Ma Ja'a Inna al-'A'mal bi al-Niyyah. No hadis 52)

Misi bermaksud niat, matlamat, objektif dan tujuan (Kamus Dewan) dan ia terletak di dalam hati (Uthaimin 1426H: jil 1:13). Uthaimin (1426H: jil 1:18-20) menjelaskan hadis ini menerangkan bahawa setiap amalan dan pekerjaan itu adalah dengan niat dan matlamat. Baginda s.a.w di dalam hadis ini membuat perbandingan antara dua matlamat dalam penghijrahan muslimin ke Madinah iaitu matlamat hijrah kerana Allah dan kerana wanita yang ingin dinikahi. Maka baginda s.a.w menjelaskan sesiapa yang bermatlamatkan hijrah kerana Allah dan Rasul maka baginda menyebut bahawa dia mendapat ganjaran dari hijrahnya kerana Allah dan Rasul. Nabi menyebut sedemikian adalah untuk menunjukkan kelebihanannya. Manakala mereka yang berhijrah kerana dunia dan perempuan yang dia mahu kahwini, baginda s.a.w menyebutkan bahawa dia mendapat apa yang dia niatkan iaitu dunia dan wanita yang ingin dinikahi. Baginda s.a.w menyebut secara umum iaitu dia mendapat apa yang dia niatkan untuk menunjukkan baginda s.a.w merendahkan niat kerana dunia dan bukan kerana Allah dan Rasul. Maka jelas di dalam hadis ini kepentingan niat yang jelas dalam melakukan sesuatu pekerjaan iaitu kerana Allah dan Rasul dan bukan kerana dunia dan itulah tanda spiritual yang cerdas.

## 2. Matlamat pekerjaan ikhlas kerana Allah.

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ الرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَعْنَمِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلذَّكْرِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَانَهُ فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ مَنْ قَاتَلَ لَتَكُونَ كَلِمَةً اللَّهُ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya; dari Abu Musa r.a berkata; Datang seorang laki-laki kepada Nabi s.a.w lalu berkata: "Seseorang berperang untuk mendapatkan ghanimah, seseorang yang lain agar menjadi terkenal dan seseorang yang lain lagi untuk dilihat kedudukannya, manakah yang disebut fii sabilillah?" Maka baginda s.a.w bersabda: "Siapa yang berperang untuk meninggikan kalimat Allah dialah yang disebut fii sabilillah"(Bukhari. Kitab al-Jihad wa al-sir. Bab Man Qatala Litakun Kalimatullah Hiya al-'Ulya. No hadis 2599)

Menurut Uthaimin (1426H : 64) mereka yang berperang untuk meninggikan kalimat Allah itu menunjukkan kepada niat yang ikhlas. Kalimah "melainkan mereka bersama kita" menunjukkan mereka yang tidak pergi berperang itu bersama-sama dengan mereka yang pergi berperang di dalam niat, hati dan pahala (Uthaimin 2004:399).

### 3. Memasang niat, azam, keinginan dan cita-cita yang baik

Ikhlas adalah sama sahaja perbuatan seseorang sama ada yang nampak dan tidak nampak. Ia merupakan rahsia antara hamba dengan Tuhannya. Tidak mengharap perbuatannya dilihat oleh manusia dan tidak mengharapkan ganjaran selain ganjaran Allah (Ibn al-Qayyim 1993: 114)

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أضعاف

Maksudnya; dari Nabi s.a.w yang beliau riwayatkan dari rabbnya (hadis qudsi) Allah Azza wa jalla berfirman, yang beliau sabdakan; "Allah menulis kebaikan dan kejahatan, " selanjutnya beliau jelaskan; "siapa yang berniat kebaikan lantas tidak jadi ia amalkan, Allah mencatat satu kebaikan disisi-Nya secara sempurna, dan jika ia berniat lantas ia amalkan, Allah mencatatnya sepuluh kebaikan, bahkan hingga dilipatgandakan tujuh ratus kali, bahkan lipatganda yang tidak terbatas (Bukhari. Kitab al-Riqaq. Bab Man Hamma bi al-Sayyi'ah wa al-Hasanah. No hadis 6010)

Perkataan هَمَّ di dalam hadis ini bermaksud berazam untuk melakukan sesuatu. Maka hadis ini menyebutkan akan diberikan pahala atas niat dan azamnya yang baik itu (Uthaimin 2004:399). Azam adalah kehendak dan tujuan yang kuat yang diteruskan dengan tindakan. Ia juga bermaksud mengumpulkan kekuatan kehendak untuk melakukan sesuatu. (Ibn Qayyim 1993). Di dalam sebuah hadis yang lain baginda s.a.w menunjukkan kepada kelebihan mempunyai niat yang baik iaitu;

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي غَزَاةٍ ، فَقَالَ " : إِنَّ أَقْوَامًا بِالْمَدِينَةِ خَلَفْنَا مَا سَلَكْنَا شِعْبًا ، وَلَا وَاذِيًّا إِلَّا وَهُمْ مَعَنَا فِيهِ حَبَسَهُمُ الْعُدْرُ . فِي حَدِيثٍ وَكَيْعٍ إِلَّا شَرَكُوكُمْ فِي الْأَجْرِ ،

Maksudnya; Nabi s.a.w dalam suatu peperangan pernah bersabda: "Sesungguhnya ada kaum yang berada di Madinah tidak ikut berperang bersama kita, tidaklah kita mendaki bukit, tidak pula menyusuri lembah melainkan mereka bersama kita dalam

berperang karena mereka tertahan oleh uzur (alasan) yang benar. (Bukhari. Kitab al-Jihad wa al-sir. Bab Man Hasbuhu al'Uzr 'an al-Ghazw. No hadis 2627). Di dalam hadis Waki' disebutkan; Melainkan mereka juga mendapatkan pahala seperti kalian (Muslim. Kitab al-Imarah. Bab Thawab Man Hasbuhu al-'Azw wa Maradh aw 'Uzr Akhar. No hadis 3534)

Hadis ini menjelaskan bahawa seseorang yang berniat untuk melakukan amal salih tetapi dia tidak dapat melakukannya kerana sesuatu perkara maka ditulis juga baginya pahala atas apa yang diniatkan (Uthaimin 1426H: jil 1: 36)

#### 4. Himmah 'Aliyah (Bercita-cita tinggi)

Menurut al-Muqaddam (t.t: 131) nas-nas yang berbentuk '*targhib wa tarhib*' melahirkan kekuatan yang menolak serta menggerakkan hati mukmin. Ia menghalakannya untuk melakukan ketaatan serta meninggalkan kemaksiatan dan kemungkarannya serta membangkitkan cita-cita serta menyuntiknya untuk berlumba-lumba dalam kebaikan. Contoh adalah hadis di bawah;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ آخِرٌ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ

Maksudnya; Rasulullah s.a.w bersabda: Capailah dengan sungguh-sungguh apa yang berguna bagimu, (Muslim. Kitab al-Qadr. Bab fi al-amr bi al-Quwwah wa Taraka al-'Ajz. No hadis 4822)

Begitu juga pada hadis;

عَنْ حَكِيمِ بْنِ جَزَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهْرِ غِنَى وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعْفَهُ اللَّهُ وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللَّهُ

Dari Hakim bin Hiram r.a dari Nabi s.a.w berkata,: "Tangan yang diatas lebih baik dari pada tangan yang di bawah, maka mulailah untuk orang-orang yang menjadi tanggunganmu dan sedekah yang paling baik adalah dari orang yang sudah cukup (untuk keperluan dirinya). Maka barangsiapa yang berusaha memelihara dirinya, Allah akan memeliharanya dan barangsiapa yang berusaha mencukupkan dirinya maka Allah akan mencukupkannya (Bukhari. Kitab al-Zakah. Bab La Sadaqah illa 'an Zahri Ghina. No hadis 1338)

Menurut Ibn Battal (2003: jil3: 431) hadis di atas mengandungi galakan untuk mendapatkan tempat yang lebih tinggi dan meninggalkan yang rendah iaitu menggalakkan untuk memberi dan menjauhi dari meminta-minta. Maka maksud hadis ini menepati maksud *himmah* yang dimaksudkan oleh al-Hamd (t.t) iaitu bersungguh-sungguh dalam sesuatu, merasa tinggi dari perkara-perkara yang kecil dan rendah dan bercita-cita untuk terus ke tempat tinggi. *Himmah* yang tinggi merupakan asas akhlak yang mulia dan antara cirinya adalah niat yang benar, azam yang kuat, kehendak yang kuat dan tinggi serta keinginan yang benar-benar untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkarannya.

Sebagaimana (Jurjani t.t.; 215) mentakrifkan *himmah* sebagai menghalakan hati dan niat ke arah yang benar dengan sepenuh kekuatan ruhani dengan tujuan untuk



mendapatkan kesempurnaan dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1993) pula menjelaskan bahawa *himmah* seorang hamba itu adalah apabila ia berkait dengan hak Allah Ta'ala melaksanakannya dengan jujur, ikhlas semata-mata kerana Allah yang akan menolak empunya diri untuk terus untuk sampai ke titik impiannya.

## 5. Berjiwa Besar

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ احْرَصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ ، وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ : لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا ، وَلَكِنْ قُلْ : قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ ، فَإِنْ لَوْ تَفَتَّحُ عَمَلِ الشَّيْطَانِ ،

Maksudnya; dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: 'Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT daripada orang mukmin yang lemah. Pada masing-masing memang terdapat kebaikan. Capailah dengan sungguh-sungguh apa yang berguna bagimu, mohonlah pertolongan kepada Allah SWT dan janganlah kamu menjadi orang yang lemah. Apabila kamu tertimpa suatu kemalangan, maka janganlah kamu mengatakan; 'Seandainya tadi saya berbuat begini dan begitu, niscaya tidak akan menjadi begini dan begitu'. Tetapi katakanlah; 'Ini sudah takdir Allah dan apa yang dikehendaki-Nya pasti akan dilaksanakan-Nya. Karena sesungguhnya ungkapan kata 'law' (seandainya) akan membukakan jalan bagi godaan syaitan. (Muslim. Kitab al-Qadr. Bab fi al-amr bi al-Quwwah wa Taraka al-'Ajz. No hadis 4822)

Al-Nawawi (1930 jil 16:215) menjelaskan bahawa *al-quwwah*(kuat) yang dimaksudkan oleh hadis ini adalah berjiwa besar kesungguhan dalam melaksanakan kewajipan dalam perkara akhirat. Mempunyai sifat ini berani berdepan musuh ketika berjihad, segera menyahut seruan jihad, bersungguh dalam menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dan sabar dalam menanggung kesakitan. Al-Jawzi (t.t.: jil3:552) juga menjelaskan bahawa kekuatan di sini bukanlah bermaksud kekuatan badan semata-mata tetapi bermaksud kekuatan keazaman dan pendirian.

## Rumusan dan Implikasi Kajian

Kecerdasan spiritual adalah tahap jiwa yang paling tinggi yang juga dinamakan sebagai *al-nafs al-mutma'innah*. Ia adalah kecerdasan yang berkaitan dengan kualiti batin dan elemen-elemen jiwa, hati, ruh, akal, naluri, sifat insan dan pandangan yang digunakan secara maksimum. Seorang pemimpin perlu kepada kekuatan spiritual. Pemimpin yang mempunyai kecerdasan spiritual mampu membentuk karakter kepimpinan, integriti yang tinggi dan keteladanan yang luar biasa. Pembentangan di atas jelas menjawab objektif yang diutarakan di awal kajian iaitu untuk mengenengahkan konsep kecerdasan spiritual berdasarkan hadis. Dari situ penulis dapat merumuskan bahawa elemen kecerdasan spiritual yang perlu ada pada kepimpinan belia adalah mempunyai misi dan matlamat yang jelas kerana Allah, matlamat pekerjaan ikhlas kerana Allah, memasang niat, azam, keinginan dan cita-cita yang baik, *himmah* 'alياهو (bercita-cita tinggi) dan berjiwa besar. Ciri-ciri ini boleh

dijadikan indikator dalam menentukan kepemimpinan belia yang berkualiti dan berwibawa seterusnya menjadi panduan dalam memilih pemimpin.

## Rujukan

- Abdul Mujib Dan Yusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Ahmad al-'Aiyid et.al. 1988. *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi*.
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. 1996. *Isu dan Cabaran dalam Pembangunan Belia: Beberapa Pemerhatian Penting* dibentangkan di Persidangan majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan, Seremban.
- Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia edisi 4/2014 <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/buletin/buletin-edisi-4-2014.pdf>
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad B. Ismail B. Ibrahim B. al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah, Mohd Jurairi Sharifudin. 2015. *Personaliti Menurut al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Hamd Muhammad bin Ibrahim. t.t. *al-Himmah al-'Aliyah Mu'awwiqatuha wa Muqawwimatuha*. Riyadh: Dar Ibn Huzaimah.
- Hamid Zahran. 2005. *Al-Sihah al-Nafsiyyah wa 'Ilaj al-Nafsiy*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Haslinda Abdullah et.al. 2012. *Majlis Belia Malaysia: Quo Vadis Transformasi Era Semasa*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 7 (13 - 19) 13. © 2012, ISSN 2180-2491
- Ibn Battal Abu al-Hasan 'Ali bin Khalaf bin Abd. al-Malik. 2003. *Syarah Sahih Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Manzur, Abu Fadil Jamal Al-Din. 1968/1388H. *Lisan al-Arab*. Jil 1, 11 dan 14. Beirut. Lubnan: Dar Sadr Dar Bairut.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1993. *Mukhtasar Madarij al-Salikin*. Iskandariyah: Dar Da'wah.
- Al-Jawzi Jamal al-Din Abd. Rahman. T.t. *Kasyf al-Musykil min Hadith al-Sahihayn*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Al-Jurjani Ali bin Muhammad al-Sayid al-Syarif. t.t. *Mu'jam al-Ta'rifat*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Kamus Dewan. (1996). Ed. ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob. 2012. *Kecerdasan Spiritual Dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Remaja Di Malaysia*. Malaysian Journal of Youth Studies. Jilid 7. ISSN 2180-1649 Dis 2012.
- Munir Ba'albaki. 1994. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Muqaddam Muhammad Ahmad Isma'il. T.t. *'Uluw al-Himmah*. Riradh: Maktabah al-Kauthar.
- Al-Najati Muhammad Uthman. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Lubnan: Dar al-Shuruq.

- Al-Nawawi. Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 1930. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*.  
Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar
- Razaleigh Muhamat. 2015. *Kepimpinan dan Pengurusan Islam; Sejarah, Teori dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali*.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Sham, Siti Norlina Muhamad, A'dawiyah Ismail,  
Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rozmi Ismail, Intan Farhana Saparudin. 2014.  
*Pendekatan Spiritual dalam Menangani Histeria*. Jurnal Sains Humanika 2:1.  
Johor Baru: Penerbit UTM Press. www.sainshumanika.utm.my | e-ISSN ISSN:  
2289-6996
- Sheldrake.P.2012.*Spirituality A Very Short Introduction*.Oxford:Oxford Press.
- Al-Uthaimin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 1426H. *Syarah Riyad al-Salihin*.  
Riyadh: Dar al-Watan
- Al-Uthaimin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 2004. *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah*. Riyadh: Dar al-Thurayya.
- Webster's World Encyclopedia*. 1999. New York: Webster Publishing Pty Ltd. Ed.  
Millennium.